

Info

.....  
Pertandingan yang berlangsung pada 22 hingga 30 Julai lalu itu menyaksikan penglibatan 55 buah pasukan lelaki dan 32 pasukan wanita meliputi dua acara iaitu berpasukan dan bergu lelaki dan wanita.



UNTUK KENANGAN... Barisan pemain UNIMAS sempat merakam gambar sebagai tanda kenangan sebaik selesai majlis penyampaian hadiah.

## • Kejohanan Boling MAKSAM 2011 anjuran KERIS UNIMAS rangkul gelaran juara

**PASUKAN** Wanita UNIMAS A sekali lagi merangkul juara keseluruhan dalam Pertandingan Boling MAKSAM anjuran Kelab Rekreasi Imigresen Sarawak (KERIS) dengan jatuhan pin sebanyak 4928.

Tempat kedua disandang oleh pasukan wanita UNIMAS B dengan jatuhan pin sebanyak 4803 dan pasukan JKM A muncul pemenang tempat ketiga dengan jatuhan sebanyak 4692 pin.

Manakala bagi kategori lelaki, juara keseluruhan dirangkul oleh pasukan Politeknik dengan 5493 jatuhan pin, diikuti rapat pasukan KESUDA A ditempatkan kedua dengan 5457 jatuhan pin dan KERIS A ditempatkan ketiga dengan jatuhan sebanyak 5443.

Pertandingan yang berlangsung pada 22 hingga 30 Julai lalu itu menyaksikan penglibatan 55 buah pasukan lelaki dan 32 pasukan wanita meliputi dua acara iaitu berpasukan dan bergu lelaki dan wanita.

Dalam kategori berpasukan

wanita, pasukan UNIMAS B dibarisi oleh Hajah Amu Sapin, Suriani Julaihi, Rosaidawati Abdul Said dan Norinda K. Su'ut telah berjaya muncul juara, UNIMAS A yang diwakili oleh Cindy Sian, Ilyiana, Yusralina dan Surian muncul pemenang di tempat kedua dan JKM A ditempatkan ketiga.

Manakala dalam acara beregu pula, pasukan UNIMAS A diwakili oleh Surina Zainuddin dan Ilyiana Abdullah berjaya menjadi muncul juara, KPDNKK ditempatkan kedua dan JKM A di tempat ketiga.

Bagi acara berpasukan lelaki, pasukan UNIMAS A hanya berada di tempat ketujuh, UNIMAS B di tempat ke-10, UNIMAS D di tempat ke-16 dan UNIMAS C di tempat ke-34. Johan untuk acara ini dimenangi oleh pasukan JKM A, diikuti KERIS A dan SESCO B masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Dalam acara beregu, pasukan UNIMAS A hanya

berjaya menduduki tangga ketiga di belakang KESUDA A ditempatkan kedua dan johan milik pasukan daripada Politeknik yang diwakili oleh Khairur Hisham dan Rohaizan Saher.

Pasukan UNIMAS B ditangga keenam, UNIMAS C dan D masing-masing berkongsi tempat ke-19.

Selain daripada hadiah untuk acara berpasukan dan bergu, hadiah High Games dan High Series juga ditawarkan di mana bagi High Games dan High Series wanita, masing-masing di menangi oleh wakil UNIMAS A dan B.

Ilyiana Abdullah memenangi High Series dengan 882 jatuhan pin dan pemenang High Games jatuh kepada Rosaidawati Abdul Said dengan jatuhan pin 214.

Wakil lelaki juga tidak kurang hebatnya apabila Bemen Wong telah berjaya memenangi High Games dengan jatuhan pin sebanyak 256 dan High Series digondol oleh Rohaizan Saher daripada

Politeknik dengan 1060 jatuhan pin.

Bagi acara Master wanita daripada 24 orang teratas selepas tamat acara berpasukan dan bergu, tujuh daripada lapan orang pemain wanita UNIMAS telah melayakkan diri ke acara itu.

Bagaimanapun wakil UNIMAS kurang bernasib baik pada kali ini, kerana hanya berjaya berada di tempat kelapan, kesembilan, kesebelas, ke-14, ke-15 dan ke-16, diperolehi menerusi Norinda, Surina, Ilyiana, Suriani, Rosaidawati dan Amu Sapin.

Haji Affandi, bagaimanapun mengubat hati pasukan boling UNIMAS apabila muncul juara untuk acara Master lelaki, Wagiman di tempat kelima, Mohd. Ridzal tempat ke-11, Sapian ditangga ke-18 dan Bemen di tangga ke-30.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datu Misnu Haji Taha yang sebelum itu turut serta untuk acara VIP.



TAHNIAH... Datu Misnu Haji Taha (kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang bagi kategori lelaki dalam pertandingan tersebut.